

# *lecturer's Contribution*

## **Tinggalan Adat Melayu di Bumi Jepun**

*by Dr. Rofiza Aboo Bakar*

'Kerdipan Bintang Melayu di Langit Turki' karya Profesor Dr. Mat Rofa Ismail mencuri perhatianku. Kalau ditinjau, nama penulis sudah dekat sekali dengan namaku, 'Rofi'. Namun, siapalah aku jika dibandingkan dengan penulis itu yang tinggi budinya apatah lagi ilmunya. Buku ini sudah kubaca beberapa kali tapi belum berkesempatan menghabiskannya. Ianya adalah travelog beliau di bumi Turki demi mengumpul artifak-artifak Melayu yang entah bagaimana berada dan dijual di pasar-pasar Turki seperti barang kurang berharga sahaja layaknya. Ya...hanya jauhari mengenal manikam. Aku bukan ingin mengupas tentang isi buku tersebut tetapi tajuknya itu memberikan aku seakan semangat untuk menulis tentang beberapa tinggalan adat Melayu di bumi Jepun. Ceritanya bermula begini.

Suatu hari di akhir bulan Disember 2020, aku telah dipanggil oleh Profesor Rektor Ts. Dr. Salmiah Kasolang dan ditugaskan untuk membuat lawatan hormat ke Konsulat Jepun yang berada di Pulau Pinang. Hasrat beliau murni, iaitu untuk aku dan ahli-ahli APB memulakan langkah berkenal-kenalan sambil mencari peluang penyelidikan yang mungkin boleh diwujudkan dengan perkenalan tersebut. Aku juga diarahkan untuk mewujudkan sebuah program antarabangsa yang boleh menonjolkan ketampakan UiTM Cawangan Pulau Pinang di mata dunia sambil mencapai 'Performance Indicator' yang ditetapkan universiti.

Oleh kerana ianya perlu dilakukan serba pantas dan mengambilkira faktor kita masih berada di waktu pandemik yang membataskan begitu banyak perkara, maka hanya tiga ahli APB, termasuk aku, dibenarkan membuat lawatan ke Konsulat Jepun pada hari Jumaat, 8 Januari 2021. Dalam perbincangan ringkas tapi penuh bermakna, Tuan Yang Terutama Kanoya Shinichiro bersetuju untuk memberi ucapan dalam program 'Japanese Meet Malays: When Languages and Cultures Dance Together' yang diadakan kira-kira tiga minggu selepas itu iaitu pada 27 Januari 2021. Dalam masa yang singkat, tenaga beberapa ahli jabatan telah digembleng dan kami bekerja siang dan malam untuk merealisasikan program ini dalam ketenggatan waktu, tenaga dan kepakaran. Aku bukan tidak mahu melibatkan semua tetapi aku tertanya-tanya dan menimbangtara sanggupkah semua bekerja siang dan malam tanpa rintihan? Biarlah kami yang diberi amanah ini bertekun untuk kejayaan APB bersama.

*Kunjungan hormat APB ke Konsulat Jepun (2021)*



*Penulis bersama keluarga angkat Jepun (2003)*

*Masjid Kobe yang dilawati pada 2013*



*Sungai di Nikko yang dilawati pada 2013*



*bersambung di mukasurat berikut...*

# *lecturer's Contribution*

*... bersambng dari mukasurat sebelah*

Dipendekkan cerita, aku turut diminta secara peribadi untuk berucap di dalam program tersebut. Hendak menolak aku malu, menerima pula terkapa-kapa apa ingin dikongsikan. Maka bermulalah pencarian serta pembacaan sehingga melahirkan idea, 'Japanese and Malay: A Close Affinity' sebagai bual bicaraku.

Menyediakan bahan ucapan menjadikan fikiranku kembali melayang ke siri Jepun, 'Oshin' yang popular sekitar tahun 1980-an semasa aku masih bersekolah rendah. Kemudian ianya terbang menjengah tahun 2003 apabila pertama kali aku menjejakkan kaki ke negara matahari terbit itu dan tinggal bersama keluarga angkatku selama 10 hari. Tidak cukup itu, fikiranku juga kembali menelusuri tempat-tempat cantik yang pernah aku lawati pada tahun 2013 seperti Masjid Kobe dan air terjun di Nikko.

Melalui pembacaan, dipercayai bahawa bangsa Melayu yang terkenal dengan kesopanan, budi bahasa dan kelembutan adalah juga pelayar hebat yang merantau ke seluruh dunia dan singgah di pelbagai tempat sehinggalah kemudiannya bersatu dan berasimilasi dengan kaum Ainu iaitu kaum yang pertama mendiami Jepun. Robert P. Porter turut mengatakan bahawa ciri-ciri orang Jepun adalah gabungan daripada sifat-sifat orang Ainu dan Melayu. Orang Ainu berdaya tahan, bijak dan berstrategi, manakala orang Melayu pula sangat menghormati ketua, sopan dan pandai mengambil hati.

Pembacaan lanjut membawa aku kepada beberapa persamaan yang bangsa Jepun dan Melayu kongsi seperti yang didakwa oleh William Elliot Griffis dalam bukunya yang bertajuk, 'The Japanese Nation in Evolution'. Antaranya, kedua-dua bangsa sangat memuliakan alat pertahanan diri seperti pedang Katana untuk bangsa Jepun dan keris bagi bangsa Melayu. Kemudian, dipercayai juga bahawa orang Jepun turut menggunakan struktur arkitektur seperti rumah Melayu yang diubah suai oleh orang Ainu iaitu dengan membina rumah di atas tiang yang terangkat sedikit daripada tanah dan dialas lantainya dengan tikar. Aku pernah terdengar dalam ceramah bahawa orang Melayu mempunyai kepandaian bertukang kayu yang sangat tinggi mutunya.

Banyak lagi yang aku pelajari sepanjang penyediaan ucapan ini tetapi tidak dapat aku coretkan kesemuanya di sini. Apapun aku gembira kerana mungkin ada tinggalan adat bangsa Melayu di bumi Jepun. Sungguh menakjubkan!



*... continuedfrom page 5*

UiTM. Assoc. Prof. Dr. Mah stressed the importance of personal interest when it comes to e-learning. He added that with the support and recognition from others, confidence in our own innovations can be achieved. From there, he was more content to present his innovations to others. Among the common challenges faced by all three award recipients were limited budget yet high expectations by others, time constraints, slow feedback or acceptance by others, continuous effort use, and the stress caused when dealing with a variety of stakeholders. However, they were thankful and grateful of the experiences and partnerships they have made along the way, always believing firmly in themselves to the extent of arriving to their desired positive outcomes.

Lastly, when asked for an inspirational message to fellow lecturers in ALS, Assoc. Prof. Dr. Mah suggested lecturers to be flexible and move forward together with passion and interest so it is beneficial to everyone. Madam Farina echoed his statement that lecturers need to work together and not in isolation as support and positive reinforcements from our academic circle are needed. She added that we need to challenge ourselves to give the best to others. Dr. Rofiza summed it up by saying everyone must do something to our level best and, as for the rest, leave it to God.



# *lecturer's Contribution*

## **Berani tetapi Bukan Celupar**

*by Dr. Rofiza Aboo Bakar*

Saya berpeluang menghadiri sebuah webinar yang telah dikendalikan oleh Universiti Sains Islam Malaysia pada suatu hari Sabtu yang tenang, 24 Julai 2021. Panel yang dipanggil berucap ialah Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak yang kini merupakan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tokoh ulung Malaysia dalam pendidikan dan sains ini mengutarakan beberapa isu yang mengajak pendidik bersama-sama berfikir untuk kemampanan masa depan pendidikan negara.

Salah satu isu yang ditekankan beliau ialah kemantapan emosi atau kesejahteraan diri para pendidik. Untuk mendidik, seorang guru itu perlu sejahtera, seimbang dan harmonis. Untuk itu, para pendidik mestilah kuat pengabdianya kepada Tuhan.

Tumpuan utama para guru ialah mensejahterakan diri para penuntutnya dan bukan semata-mata menjurus kepada penghasilan pelajar yang pandai, yang berupaya mendapatkan berbelas-belas A untuk peperiksaan tetapi buruk tingkah lakunya. Beliau memberi contoh khusus tentang beberapa kes rompakan wang negara yang jelas menunjukkan betapa individu-individu pandai belum tentu sejahtera, seimbang dan harmonisnya mereka kerana membiarkan kerakusan dan tamak haloba menguasai diri. Oleh kerana itu, wajar para pendidik melihat dan menyantuni bagaimana negara-negara seperti Bhutan dan Finland menerapkan kekuatan emosi di kalangan pelajar-pelajar mereka. Hasilnya, para penduduk di kedua-dua buah negara tersebut tidak berebut-rebut untuk menjadi kaya mengatasi orang lain atau bersaing bermati-matian untuk menjadi lebih menonjol daripada orang lain. Mereka hidup saling hormat-menghormati dan dinobatkan sebagai penduduk paling bahagia di dunia yang kurang terjejas dengan penyakit hati seperti depresi dan kesombongan.



*Profesor Emeritus Tan Sri Dato'  
Dzulkifli MM Razak*

Bagaimana dengan kita para pendidik di Malaysia? Kita baik-baik sahaja tetapi ruang tetap terbuka luas untuk kita menerapkan hal-hal yang terus-terusan baik untuk para penuntut kita. Kita mesti berani untuk mendepani cabaran-cabaran terkini. Dengan adanya keberanian, maka akan adalah perubahan. Namun, sesuai dengan prinsip kelima Rukun Negara, jadilah berani dalam kesopanan, bukan keceluparan.

## **Menulis untuk Jurnal: Cadangan Pakar**

*by Dr. Rofiza Aboo Bakar*

Pada 24 Ogos 2021, saya berkesempatan menghadiri sebuah webinar yang telah dikendalikan oleh Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM CPP. Panel yang berucap ialah Yang Berbahagia Profesor Dr. Shahrum Abdullah yang bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, UKM dan menerima ijazah Doktor Falsafah (PhD) di The University of Sheffield UK pada tahun 2005. Bidang penyelidikannya ialah penilaian hayat lesu, integriti struktur mekanikal, kebolehtahanan, analisis isyarat dan reka bentuk kejuruteraan. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 400 penulisan yang diterbitkan dalam jurnal WoS/SCOPUS dan juga prosiding persidangan. Dalam webinar tersebut, beliau telah menitipkan beberapa cadangan untuk para peserta menambah mutu penulisan artikel mereka sekiranya ingin dihantar ke jurnal-jurnal terkemuka. Walaupun cadangan ini lebih tertumpu kepada penulisan berbentuk sains dan teknologi, cadangan-cadangan beliau tetap boleh diambilkira untuk penulisan berbentuk sains sosial.

Berikut ialah cadangan-cadangan beliau:

1. Ubah ayat, "Saya akan cuba" kepada "Saya akan memulainya sekarang". Mulakan penulisan anda hari ini walaupun ianya sedikit. Untuk mendapatkan hasil yang baik, ianya memerlukan sebuah proses yang sistematik.
2. Sediakan mental kita bahawa penulisan ini mungkin akan ditolak supaya kita tidak terlalu berasa sedih. Cuba dan cuba lagi. Jangan mengalah. Sekiranya penulisan itu diterima, itu adalah rezeki yang besar. Malah, setiap kali ditolak, penulisan itu akan datang dengan komen-komen daripada editor atau pengulas. Komen-komen ini boleh

*bersambung di mukasurat berikut...*

# lecturer's Contribution

... bersambung dari mukasurat sebelah



digunakan untuk penambahbaikan penulis.

3. Sekiranya artikel itu terlalu buruk atau tidak memenuhi skop sebuah jurnal, ianya mungkin akan ditolak dalam masa 8 jam, 12 jam atau sehari sahaja. Jika tiada penolakan daripada jurnal dalam masa sebulan sehingga 3 bulan, mungkin artikel itu akan diterima oleh jurnal tersebut. Namun ini semua bergantung kepada sidang editorial sesebuah jurnal.

4. Mulakan penulisan dengan, "The end in the mind". Tanya soalan-soalan ini: mengapa, bagaimana dan apa. Ini sebenarnya adalah komponen abstrak dalam penulisan. 'Mengapa' mencakupi elemen pengenalan iaitu jurang kajian, permasalahan kajian dan objektif. 'Bagaimana' pula mencakupi elemen metodologi. 'Apa' ialah bahagian hasil kajian. Soalan, 'Mengapa' sekali lagi ditanya semasa mengemukakan perbincangan hasil kajian dan ianya turut mempunyai elemen implikasi kepada bidang kajian tersebut.

5. Mulakan dan bahagikan penulisan sejak mula kepada bahagian-bahagian spesifik seperti:

*Profesor Dr. Shahrudin Abdullah* erti: Tajuk, Pengenalan, Metodologi, Dapatan Kajian, Cadangan dan Penutup.

6. Rancang masa sesuai untuk penghantaran artikel ke jurnal-jurnal tertentu. Jika ianya dihantar pada atau sebelum Jun dalam sesuatu tahun, ianya mungkin akan dapat diterbitkan pada tahun itu juga. Tetapi jika ianya dihantar selepas Jun dalam sesuatu tahun, artikel itu mungkin hanya akan dapat diterbitkan pada tahun hadapan.

Di samping cadangan-cadangan tersebut, beliau turut menasihatkan para peserta untuk menulis kerana cintakan ilmu dan ingin berkongsi dengan masyarakat sarjana serta umum akan ilmu yang bermanfaat; bukan kerana mengejar 'performance index' atau kenaikan pangkat semata-mata.

Beliau sudah ucapkan beliau dengan serangkap pantun:

*Berburu ke padang datar  
Dapat rusa berbelang kaki  
Berguru kepalang ajar  
Bagai bunga kembang tak jadi*

yang membawa maksud bahawa jika kita tidak bersungguh-sungguh dalam sesuatu pekerjaan atau penulisan, maka penulisan kita itu diibaratkan seperti bunga yang kembang tak jadi, tidak sudah akhirnya. Oleh itu, ubahlah niat kita bahawa penulisan itu wujud untuk manfaat sejagat dan kita menulis itu untuk redanya jua.



*continued on the next page ...*